

MYNIC DEKATI USAHAWAN TEMPATAN

Lebih 45 usahawan terima Geran Perniagaan Digital MYNIC


MYNIC Berhad, salah sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia, MYNIC komited dalam memastikan organisasi dan individu di Malaysia sentiasa ke hadapan selari dengan arus perkembangan ekonomi digital.

MYNIC giat merancang pelbagai program dan inisiatif yang berteraskan ekonomi digital dengan memberi fokus kepada usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) supaya mereka terus kompetitif dan kekal relevan.

Pada tahun ini, MYNIC terus membantu usahawan PMKS ini dalam membangunkan premis digital serta mengembangkan jenama perniagaan digital mereka. Pelbagai platform digunakan untuk mendekati para usahawan ini, antaranya penglibatan MYNIC di dalam penganjuran program-program oleh pihak kerajaan, khususnya Kementerian Komunikasi dan Digital, serta agensi-agensi yang lain.

Sepanjang pembabitan MYNIC di dalam program ini, didapati 90% daripada usahawan kurang pengetahuan, pendedahan ataupun bimbingan untuk mentransformasikan perniagaan mereka dari *offline* ke *online*. Kebanyakan mereka, terutamanya usahawan dari luar bandar hampir tidak memahami fungsi serta impak ekosistem e-dagang yang lengkap terhadap perniagaan mereka.

Menyedari hakikat ini, MYNIC memanfaatkan program-program seperti ini untuk memperkenalkan pelbagai inisiatif pembangunan usahawan seperti Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) kepada para usahawan tempatan.



Berikut adalah tiga (3) komponen PRIME yang memberi manfaat kepada PMKS

Sehingga kini, MYNIC telah menawarkan geran yang merangkumi pakej penghasilan laman web melalui domain .MY dan latihan pemasaran digital selama tiga tahun. Seramai lebih 45 usahawan tempatan telah ditawarkan Geran Perniagaan Digital bernilai RM3,500 untuk mengembangkan perniagaan digital mereka.



Kamil Hafiz Mohd Shahrudin, usahawan muda yang membangunkan The Rug Cartels

Salah seorang daripada penerima geran perniagaan digital iaitu Kamil Hafiz Mohd Shahrudin berasa sangat teruja terpilih menerima geran tersebut. Menurutny, ini merupakan peluang keemasan untuk mengembangkan lagi perniagaan karpet buatan tangannya, The Rug Cartels yang baru setahun dijalankan.

“Pendekatan yang dilakukan oleh pihak MYNIC ini sangat bagus. Ini kerana kos untuk menghasilkan laman web sendiri yang ditawarkan di luar menjangkau lebih RM6,000. Saya akan pastikan yang saya akan menggunakan peluang ini dan tidak akan mensia-siakannya.”
“Terima kasih MYNIC kerana menawarkan geran perniagaan digital ini selain memberikan bimbingan secara percuma. Saya benar-benar bersyukur,” kata Kamil Hafiz.

Selain itu, Nabilah Hani Mohamed Hassan yang menjalankan perniagaan membuat kek turut melahirkan rasa terima kasih kepada MYNIC kerana memilih beliau menjadi penerima geran perniagaan digital tersebut.

“Saya harap dengan bimbingan dan latihan yang diberikan oleh MYNIC, saya dapat mempelajari selain memahami konsep perniagaan digital dengan lebih meluas lagi. Terima

kasih MYNIC kerana memilih saya sebagai salah seorang penerima geran digital,” katanya ketika ditemubual selepas sesi penyerahan geran tersebut.



Nabilah Hani Mohamed Hassan menerima Geran Digital Perniagaan di JAKM Shah Alam

MYNIC dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia Negeri Kelantan telah berjaya menganjurkan Bengkel Keusahawan Cerita .MY Saya. Bengkel yang dihadiri oleh 40 orang usahawan sekitar negeri Kelantan tersebut menawarkan domain BIZ.MY secara percuma bersama aplikasi Go2 Brand.

Secara keseluruhan, didapati masih ramai usahawan tempatan terutamanya yang berada di kawasan luar bandar memerlukan bimbingan dan kelas khusus yang lebih fokus dan berterusan. MYNIC akan terus memainkan peranan strategik dalam membantu usahawan ini secara berterusan agar mereka dapat mengadaptasi perniagaan dalam talian di samping mengukuhkan penjenamaan produk masing-masing.

MYNIC yakin dengan pembangunan industri ICT yang kian berkembang pesat serta penggunaan nama domain.MY yang semakin meluas, ia akan dapat membantu mengembangkan jenama produk dari Malaysia untuk melangkaui ke peringkat antarabangsa.